



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUP
PROGRAM SIJIL TADBIR URUS DESA
ZON UTARA FASA 2**

HOTEL CASUARINA MERU, IPOH, PERAK

**21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahiim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh
Salam Sejahtera Dan Salam Negaraku Malaysia

Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zamri bin Abd. Kadir
Menteri Besar Perak

Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi
dan Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Yang Berhormat Dato' Shaarani bin Mohamad
Exco Luar Bandar Negeri Perak

Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Dato' Rubiyah binti Abd Rahman
Pengarah Institut Kemajuan Desa (INFRA)

Yang Berbahagia Prof Dato' Dr. Mazliham bin Mohd Su'ud
Presiden UniKL

Pegawai-Pegawai Daerah
Pegawai-Pegawai Kanan dan Pegawai-Pegawai Agensi

Kepimpinan JKJK/JKJKP Negeri Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Kepimpinan JKJK Orang Asli negeri Perak

serta Para Hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, saya memanjat setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya jua, maka kita dapat berada dalam Majlis Penutup Program Sijil Tadbir Urus Desa peringkat Zon Utara bagi Fasa Kedua.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran **Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zamri bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak** yang sudi hadir pada majlis ini untuk menyempurnakan Majlis Penutup Program Sijil Tadbir Urus Desa Zon Utara Fasa 2. Sesungguhnya kehadiran YAB Dato' Seri mempamerkan komitmen dan sokongan moral yang tinggi dalam memartabatkan kepimpinan institusi desa.

3. Untuk makluman Dato' Seri, bersama kita dalam dewan ini ialah 1,000 orang JKJK/JKJKP dan JKJKOA dari negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis yang telah berjaya menamatkan program Sijil Tadbir Urus Desa INFRA-UniKL bermula 19 September dan berakhir pada hari ini. Ini adalah pelaksanaan fasa kedua bagi Zon Utara di mana pada fasa pertama seramai 1,200 orang kepimpinan JKJK/JKJKP dan JKJK Orang Asli dari zon ini telah berjaya menamatkan program yang diadakan pada 16 hingga 18 Mei 2017 di Alor Setar, Kedah.

4. Keseluruhan kepimpinan JKJK/JKJKP dan JKJKOA yang telah berjaya menamatkan program fasa pertama adalah seramai **3,000** orang dari seluruh negara. Program fasa pertama telah dilaksanakan mulai bulan Mac hingga Ogos lalu. Majlis penyampaian sijil tersebut kepada wakil-wakil negeri telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Ogos 2017 lalu di PWTC sempena Konvensyen JKJK/JKJKP dan JKJKOA dan Anugerah Desa Perdana 2017.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

LATIHAN KE ARAH PROFESIONALISME KEPIMPINAN DESA

5. Program latihan Sijil Tadbir Urus Desa ini amat penting untuk membentuk kumpulan kepimpinan akar umbi yang profesional. Justeru, Kerajaan memberi keutamaan kepada pelaksanaan program ini untuk memastikan kesemua **16,000** kepimpinan JKJK/JKJKP dan JKJKOA seluruh negara akan dapat dilatih dengan modul tadbir urus desa yang komprehensif dan memfokus kepada aspek profesionalisme serta latihan secara *hands on*.

6. Program ini berbeza daripada kursus-kursus yang pernah tuan-tuan dan puan-puan hadiri. Modul program ini telah dibangunkan melalui kolaborasi kepakaran universiti dan institusi awam iaitu UniKL dan INFRA ke arah memperkasakan kepimpinan desa dengan tadbir urus desa yang bersifat profesional berasaskan kemahiran ilmu pada aras tinggi. Program ini mengandungi lima (5) Modul merangkumi Pengurusan Desa dan Pengurusan Kewangan JKJK, Keusahawanan, Pelan Strategik Desa, Pemantauan Projek dan Tanggungjawab Sebagai Penolong Pendaftar Pemilih.

7. Inisiatif baharu ini adalah sejajar dengan aspirasi Kementerian untuk meningkatkan keupayaan institusi JKJK/JKJKP dan JKJKOA ke tahap yang lebih berdaya saing sama ada pada peringkat komuniti, negeri mahupun ke peringkat nasional. Ini bermaksud, aspirasi untuk melihat kepimpinan JKJK/JKJKP dan JKJKOA sebagai pemimpin institusi yang berwibawa pada masa hadapan adalah bermula dengan menguasai pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang terbaik pada tahap profesional.

8. Kementerian yakin cita-cita ke arah menjadikan **Tadbir Urus Desa** sebagai bidang kepimpinan yang profesional dapat disampaikan kepada semua pemimpin akar umbi. Justeru, kepimpinan JKJK perlu bersedia menyesuaikan minda, emosi dan personaliti mereka dengan gaya pembelajaran yang memerlukan pemikiran terbuka dan beraras tinggi.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

INSENTIF SEBAGAI PENGIKTIRAFAN PERANAN JKJK

9. Kementerian sangat menghargai dan mengiktiraf kepimpinan JKJK/JKJKP dan JKJKOA sebagai institusi yang sangat penting untuk kemajuan desa dan memperkukuhkan dasar kerajaan di peringkat akar umbi. Sehubungan itu, agenda pemerkasaan JKJK ini telah dijadikan inisiatif penting dalam **Transformasi Luar Bandar** yang telah dilancarkan oleh KKLW pada hujung 2015.

10. Selain inisiatif latihan bentuk baru, Kementerian juga menyediakan pelbagai insentif sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti JKJK/JKJKP dan JKJKOA dalam membantu merealisasikan agenda pembangunan luar bandar Kerajaan. Antara insentif terbaru yang disediakan adalah Kad JKJK iaitu kad identiti untuk memudahkan urusan dengan pelbagai pihak berkaitan aktiviti pembangunan kampung masing-masing. Kad ini juga mempunyai keistimewaan iaitu mendapat diskaun untuk pembelian barangan dan perkhidmatan daripada syarikat-syarikat terpilih di bawah seliaan agensi Kementerian.

11. Kementerian turut memperkenalkan insentif Skim Insuran Berkelompok bagi melindungi JKJK ketika menjalankan tugas. Kedua-dua insentif ini telah

dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri ketika menghadiri Konvensyen JKKK/JKKKP dan JKKKOA pada Ogos lalu.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian
PENGIKTIRAFAN INSTITUSI JKKK OLEH PUCUK PIMPINAN NEGARA

12. Pada Konvensyen tersebut, YAB Perdana Menteri turut menyatakan dengan jelas bahawa :

"Institusi JKKK masih relevan... Peranannya perlu dilonjakkan lagi di peringkat akar umbi supaya ia menjadi institusi yang memacu pembangunan setiap kampung..."

13. JKKK juga menjadi tonggak di peringkat akar umbi untuk menyokong Kerajaan menjayakan Dasar Transformasi Nasional 2050 sebagaimana ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri :

"Bagaimana untuk membawa negara jauh ke hadapan yakni TN 2050 perlu diperjuangkan bersama-sama..."

14. Seterusnya JKKK diharap dapat terus menggalas harapan dan tanggungjawab yang besar kepada rakyat di kampung sebagaimana diungkapkan oleh YAB Perdana Menteri iaitu :

"Peranan JKKK semakin besar hari ini antaranya merasai denyut nadi rakyat apakah kehendak dan aspirasi mereka di kampung. Bagaimana aspirasi ini diterjemahkan dalam keputusan dan tindakan bagi memenuhi cita-cita rakyat setempat..."

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

15. Saya juga ingin merumuskan beberapa perkara yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri berkaitan peranan institusi JKKK pada masa kini dan masa hadapan iaitu :

- i. Mengenal pasti kehendak penduduk kampung;
- ii. Memperbetulkan persepsi penduduk kampung terhadap kerajaan dalam era **"peperangan politik"** oleh pihak yang tidak bertanggungjawab;
- iii. Memahami fakta yang betul tentang isu semasa supaya kerajaan tidak menjadi **mangsa permainan politik**;

- iv. Menyelidik dahulu (*Tabayyun*) berita yang disebarkan melalui media sosial;
- v. Mesti tahu menggunakan media baharu untuk menghadapi dimensi baharu dalam era memerangi persepsi tidak benar (*the war of perception*).
- vi. Berfikiran waras dalam memohon sesuatu kepada kerajaan dan memahami bahawa untuk membangunkan sesebuah negara, kerajaan perlu mengambil masa dan menghadapi pelbagai cabaran.

HARAPAN DAN KEYAKINAN

16. Saya yakin kepimpinan JKPP/JKPPK dan JKPPKA akan terus memberi komitmen yang tinggi untuk membantu Kerajaan menjayakan pembangunan luar bandar. Di kesempatan ini, saya memohon agar tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberi sokongan padu kepada kepimpinan YAB Perdana Menteri untuk memastikan setiap aspirasi yang dihasratkan akan menjadi kenyataan demi kesejahteraan rakyat.

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah sekali lagi kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah berjaya mengikuti program Sijil Tadbir Urus Desa anjuran Kementerian ini. Saya juga merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepimpinan Kerajaan Negeri Perak yang memberi kerjasama penuh kepada KKLW mengadakan program latihan fasa kedua ini di negeri Perak. Mudah-mudahan segala usaha yang kita laksanakan, diberkati dan diredhai oleh Allah SWT.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.